

MAS-MAHATHIR

1979

KUALA LUMPUR, 27 JAN (BERNAMA)—KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGHENTIKAN PERKHIDMATAN MAS JIKA SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN ITU TERUS MENJADI BEBAN KEPADA EKONOMI NEGARA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK BOLEH TERUS MENCURAHKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT WANG ORANG RAMAI TERHADAP SYARIKAT PENERBANGAN ITU JIKA +IA TIDAK DIJALANKAN DENGAN BETUL.+

BERCAKAP DI SATU SIDANG AKHBAR DI SINI SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS KEWANGAN NEGARA BELIAU BERKATA, BULAN LALU SAHAJA SYARIKAT PENERBANGAN ITU MENGALAMI KERUGIAN \$2.2 JUTA.

+KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBIARKAN KEADAAN SEUMPAMA ITU BERLALUTAN KERANA IA AKAN MENJEJASKAN KEPENTINGAN NEGARA, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT TINDAKAN PERUSAHAAN OLEH PARA PEKERJA YANG BERMULA PADA 5 DISEMBER TAHUN LALU YANG TELAH MENYEPABKAN KERUGIAN YANG DIALAMI ITU.

BILA DITANYA SAMADA BELIAU MENYALAHKAN PIHAK PENGURUSAN SEPENUHNYA TENTANG KEADAAN YANG BERLAKU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA; +SAYA TIDAK MAHU MENYALAHKAN SESIAPA — SAMADA PIHAK PENGURUSAN ATAU KESATUAN — TETAPI BERTEPUK SEBELAH TANGAN TIDAK AKAN BERBUNYI.+

—BERSAMBUNG 1405/AH

EE

B524

MAS-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BILA DIMINTA MENGULAS LEBIH LANJUT TENTANG PERKARA ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MUNGKIN AKAN MENKAJI BALIK KEPUTUSAN SAMADA UNTUK TERUS MELABUR WANG DALAM SYARIKAT PENERBANGAN ITU ATAU SEBALIKNYA.

DITANYA SAMADA KERAJAAN MEMPUNYAI SEBARANG RANCANGAN KONTINGENSI BAGI MENGATASI KESESAKAN MUSIM PERAYAAN SEKARANG MEMANDANGKAN TINDAKAN KERJA IKUT PERATURAN YANG BERTERUSAN ITU, BELIAU BERKATA; +PIHAK PENGURUSAN HENDAKLAH DITANYA TENTANG INI, SAYA RASA MEREKA TENTU TELAH MEMIKIRKAN HAL TERSEBUT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA TELAH MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT MEMBINA LAPANGAN TERBANG DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN.

+KERAJAAN TELAH MELULUSKAN \$80 JUTA UNTUK MEMPERBAIKI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SUBANG, + KATANYA.

+TETAPI INI SEMUA AKAN MEMBAZIR JIKA SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN KITA TIDAK BERJALAN DENGAN BAIK, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NAMUN BAGITU KERAJAAN SEDANG MEMERHATI DENGAN TELITI SELURUH KEADAAN.

+APA JUGA LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL, KERAJAAN AKAN MELAKUKAN — KANNYA MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN INI AKAN DIJALANKAN SECARA BERHATI-HATI, + KATANYA. — BERNAMA 1405/YF